



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI KEDAH SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Perubahan Demografi Penduduk: Impak, Cabaran
dan Peluang Kepada Negeri Kedah”






31 JULAI 2025

**AUDITORIUM PUSAT PENGAJIAN
ANTARABANGSA, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
SINTOK, KEDAH**





Disediakan oleh:
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)
LPPKN NEGERI KEDAH

	Telefon: 04 - 732 5011
	Faks: 04 - 732 6608
	Laman Sesawang: www.lppkn.gov.my
	Email: penduduk@lppkn.gov.my
	Facebook: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN.....	5
2.0 UCAPAN ALU-ALUAN.....	7
3.0 UCAPAN PERASMIAN.....	8
4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	11
KERTAS KERJA 1: Trend Kependudukan dan Demografi Negeri Kedah	11
KERTAS KERJA 2: Dari Data Ke Tindakan: Langkah Strategik LPPKN Dalam Menangani Penurunan Kesuburan	13
KERTAS KERJA 3: Isu Kesuburan: Cabaran Global, Tanggungjawab Bersama	14
5.0 FORUM KEPENDUDUKAN “PENURUNAN KADAR KESUBURAN: KESAN DAN IMPAK SERTA PERSEDIAAN KITA” ..	17
6.0 PEMBENTANGAN POSTER PENYELIDIKAN.....	22
7.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI KEDAH.....	23
8.0 MAKLUM BALAS PESERTA	26

1.0 PENDAHULUAN

Kedah adalah antara negeri maju dan progresif di Malaysia. Negeri Kedah mempunyai infrastruktur yang sangat maju dan menjadi destinasi utama para pelabur disebabkan dorongan dan sokongan daripada pihak kerajaan negeri yang sangat baik ditambah dengan ekosistem komersial yang maju. Di sebalik kepesatan perubahan dan kemakmuran perkembangan ekonomi, Negeri Kedah tidak terkecuali daripada arus perubahan demografi dan struktur penduduknya. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2024 dianggarkan 34.0 juta berbanding 33.4 juta pada 2023 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 1.9 peratus. Tiga negeri yang mencatat jumlah penduduk paling ramai pada 2024 ialah Selangor iaitu 7.3 juta (21.6%), diikuti Johor seramai 4.1 juta (12.3%) dan Sabah seramai 3.7 juta (10.8%).

Menurut DOSM, Negeri Kedah antara negeri yang menunjukkan penurunan dalam Kadar Kesuburan Jumlah (*Total Fertility Rate TFR*) yang kini telah mencapai kadar 2.0 pada tahun 2023. Selain itu, Negeri Kedah turut mencatatkan penurunan sebanyak 4.0 peratus bagi bilangan kelahiran hidup sebanyak 33,811 pada 2023 berbanding 35,032 kelahiran pada 2013. Kedua-dua indikator demografi ini menunjukkan tahap kesuburan di Negeri Kedah sedang mengalami penurunan.

Penurunan kesuburan yang berlaku berkait rapat dengan perubahan gaya hidup penduduk pada masa kini, peningkatan kos sara hidup yang tinggi, peningkatan bilangan wanita dalam pendidikan tinggi dan penyertaan kaum wanita dalam tenaga buruh. Dengan jangka hayat penduduk yang lebih panjang, populasi di Negeri Kedah dijangka akan berubah kepada lebih ramai warga tua berbanding kumpulan penduduk umur muda seperti kanak-kanak dan belia. Perubahan demografi ini pastinya akan mempengaruhi pasaran tenaga kerja di masa hadapan, peningkatan nisbah tanggungan bagi penduduk tua dan menyebabkan bilangan dan saiz isi rumah / keluarga di Negeri Kedah semakin mengecil.

Sehubungan itu, adalah tepat pada masanya seminar ini diadakan bagi membincangkan langkah dan dasar yang perlu diambil bagi memperlahankan penurunan kadar kesuburan dan menyiapkan Negeri Kedah dalam menghadapi arus pantas perubahan demografi yang berlaku dengan menyediakan pelan perancangan dan pelaksanaan program melalui tiga teras utama iaitu kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia.

Tema seminar ialah “**Perubahan Demografi Penduduk: Impak, Cabaran dan Peluang Kepada Negeri Kedah**”. Tema ini akan membincangkan hubungkait antara sosio-ekonomi penduduk, kesihatan dan institusi kekeluargaan terhadap isu penurunan kadar kesuburan yang semakin menurun di Malaysia, khususnya Negeri Kedah dan impaknya terhadap pembangunan negara.

Objektif seminar adalah untuk mengupas dan membincangkan isu dan cabaran dinamika kependudukan semasa serta hubung kait dengan pembangunan khususnya di Negeri Kedah.

Seminar ini memberikan ruang kepada para penggubal dasar, ahli akademik dan penyelidik membentangkan hasil penyelidikan mereka dalam bidang kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif serta menghasilkan usul cadangan yang boleh diketengahkan untuk menjadi input dalam penggubalan dasar dan pembangunan program intervensi bersesuaian berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif oleh pihak kerajaan negeri.

Selain itu, seminar ini juga bertujuan untuk mendapatkan input dan cadangan bagi mengenalpasti punca penurunan dan kaedah untuk meningkatkan kadar kesuburan di Negeri Kedah daripada kalangan peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan Negeri, anak syarikat Kerajaan Negeri, ahli akademik, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat umum.

Laporan ini merupakan laporan penuh dan terperinci SKNK 2025 untuk semua sesi: ucapan ucapan perasmian, pembentangan kertas kerja, forum dan sesi soal jawab serta pertandingan poster penyelidikan.

2.0 UCAPAN ALU-ALUAN

Yang Berbahagia Professor Dato' Dr. Mohd Foad Sakdan, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyampaikan ucapan alu-aluan Seminar Kependudukan Negeri Kedah 2025 (SKNK 2025). ***“Seminar ini menjadi jambatan antara penyelidikan akademik dan pelaksana dasar. Saya amat menyokong wacana seperti ini yang membuka ruang dialog antara ahli akademik, agensi pelaksana, pembuat dasar dan masyarakat umum. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip evidence-based policy making di mana setiap keputusan awam harus berpaksikan data dan analisis yang sahih”***

Beliau mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Kedah di atas penganjuran SKNK 2025 ini yang dijalankan secara kolaboratif dengan rakan strategik utama terdiri daripada Universiti Utara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah, Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Kedah dan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah. Buat pertama kalinya program SKNK 2025 dibawakan pelaksanaannya di peringkat negeri yang memfokuskan kepada pembentangan & perkongsian, perbincangan serta kupasan isu dalam bidang kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif.

Beliau menambah bertepatan dengan tema Celik Data Peduli Penduduk, ianya mencerminkan komitmen berterusan dari UUM terhadap dialog berasaskan ilmu dalam membincangkan isu strategik berkaitan kependudukan Negeri Kedah. Celik data merujuk kepada keupayaan memahami, menilai dan menggunakan data secara berkesan dalam membuat keputusan yang mempengaruhi kehidupan rakyat. Dalam dunia yang semakin berasaskan data, keupayaan ini bukan lagi satu pilihan tetapi satu keperluan asas.

Sementara peduli penduduk menuntut keprihatinan yang lebih mendalam terhadap dinamika masyarakat dari isu penuaan, kesuburan dan migrasi sehinggalah kepada ketikakseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Kefahaman berasaskan data membolehkan kita mengambil tindakan yang lebih tepat, adil dan lestari dalam merancang dasar serta perkhidmatan untuk rakyat. Keterlibatan universiti dalam seminar ini bukan sekadar simbolik tetapi merupakan manifestasi komitmen terhadap pembangunan sosial berasaskan nilai dan ilmu. Semoga semua dapatan daripada seminar ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak berkepentingan dalam usaha memperkasa pembangunan masyarakat yang inklusif dan sejahtera di Negeri Kedah.

3.0 UCAPAN PERASMIAN

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Hairil Fadzly Md. Akir, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LPPKN mewakili YBhg. Dato' Ketua Pengarah LPPKN telah menyampaikan ucapan perasmian Seminar Kependudukan Negeri Kedah 2025 (SKNK 2025).

“Negeri Kedah antara negeri yang menunjukkan penurunan dalam Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) yang kini telah mencapai kadar 2.0 pada tahun 2023. Selain itu, Negeri Kedah turut mencatatkan penurunan sebanyak 4.0 peratus bagi bilangan kelahiran hidup sebanyak 33,811 pada 2023 berbanding 35,032 kelahiran pada 2013. Kedua-dua indikator demografi ini menunjukkan tahap kesuburan di Negeri Kedah sedang mengalami penurunan”.

Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau menyentuh tentang isu dan cabaran kependudukan dan keluarga di Negeri Kedah. Menurut beliau lagi penurunan kadar kesuburan ini bukan sahaja memberi kesan kepada jumlah kelahiran baharu malah turut menjejaskan keseimbangan antara golongan penduduk muda dan warga tua. Di samping itu, peningkatan jangka hayat mencerminkan kemajuan dalam bidang kesihatan, tetapi juga memberi implikasi besar terhadap keperluan penjagaan kesihatan, sokongan sosial dan daya tahan sistem ekonomi negara.

Kadar Kesuburan Jumlah (KKJ) atau *Total Fertility Rate* (TFR) merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seorang wanita terus hidup hingga akhir tempoh umur reproduktifnya (antara umur 15 hingga 49 tahun).

Berdasarkan Laporan Perangkaan Penting 2023 oleh DOSM mendapati TFR di Malaysia menunjukkan penurunan yang semakin ketara daripada 2.1 orang anak pada tahun 2010 kepada 1.6 orang anak pada 2022. Penurunan ini menunjukkan TFR di Malaysia kini berada di bawah paras penggantian iaitu 2.1 orang anak.

Trend penurunan kadar kelahiran yang semakin ketara di Negeri Kedah mencerminkan keperluan mendesak untuk merangka dan melaksanakan dasar yang menyokong keluarga muda termasuk inisiatif yang dapat meringankan kos hidup, meningkatkan akses kepada penjagaan anak yang berkualiti serta menyediakan persekitaran kerja yang mesra keluarga agar pasangan muda lebih bersedia dan yakin untuk membina keluarga.

Penurunan kesuburan yang berlaku di seluruh negara termasuk di Negeri Kedah adalah berkait rapat dengan perubahan gaya hidup penduduk pada masa kini, peningkatan kos sara hidup yang tinggi, peningkatan bilangan wanita dalam pendidikan tinggi dan penyertaan kaum wanita dalam tenaga buruh.

Dengan jangka hayat penduduk yang lebih panjang, populasi di Kedah dijangka akan berubah kepada lebih ramai warga tua berbanding kumpulan penduduk umur muda seperti kanak-kanak dan belia. Perubahan demografi ini pastinya akan mempengaruhi pasaran tenaga kerja di masa hadapan, peningkatan nisbah tanggungan bagi penduduk tua dan menyebabkan bilangan dan saiz isi rumah / keluarga di Kedah semakin mengecil. Peningkatan jangka hayat mencerminkan kemajuan dalam bidang kesihatan, tetapi juga memberi implikasi besar terhadap keperluan penjagaan kesihatan, sokongan sosial, dan daya tahan sistem ekonomi negara.

Dalam menangani isu penurunan kadar kesuburan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui LPPKN telah mengambil langkah proaktif dalam menangani cabaran ini. Antaranya menggubal dan melaksanakan Dasar Keluarga Negara untuk memperkukuh institusi keluarga; menubuhkan Pusat Subfertiiliti Negara yang bakal beroperasi pada tahun 2029.

LPPKN mula memperkenalkan Program Rintis Subsidi Bantuan Rawatan Permainan Beradas (IUI) untuk satu kitaran rawatan bermula 1 Januari 2020 sehingga 31

Disember 2023 di mana seramai 570 pasangan telah mendapat manfaat dari program ini. Program ini telah berjaya mencatatkan 11.23 % kejayaan dengan catatan 64 kehamilan telah berjaya direkodkan. LPPKN memperkenalkan Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI) pada tahun 2025 dengan sasaran seramai 1,300 pasangan yang layak menjalani rawatan IUI untuk dua kitaran (maksimum) dengan anggaran kos RM2,000.00 bagi satu kitaran.

Penganjuran Seminar Kependudukan Negeri Kedah 2025 (SKNK 2025) pada hari ini adalah tepat pada masanya bagi membincangkan langkah dan dasar yang perlu diambil bagi memperlahankan penurunan kadar kesuburan serta mempersiapkan Negeri Kedah dalam menghadapi perubahan pantas demografi yang berlaku dengan menyediakan pelan perancangan dan pelaksanaan program melalui tiga teras utama iaitu kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia.

Beliau percaya dengan panel jemputan yang berpengalaman melalui sesi pembentangan kertas kerja dan forum, hasil seminar ini akan mampu untuk dipanjangkan sebagai input utama bagi penggubalan dasar dan pembangunan program intervensi bersesuaian berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif oleh Kerajaan Negeri.

Sebagai penutup ucapan, beliau berharap agar hasil pembentangan dan perbincangan mampu memberi manfaat kepada semua, khususnya dalam penggubalan dasar dan pembangunan program intervensi bersesuaian berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif oleh Kerajaan Negeri yang juga menjadi keutamaan.

4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Untuk sesi pertama iaitu **Pembentangan Kertas Kerja**, sebanyak tiga (3) kertas kerja telah dibentangkan dengan memberi pengkhususan kepada fokus utama SKNK 2025 iaitu demografi dan dinamika kependudukan, sosio-ekonomi, kesihatan (*infertility*), pembangunan dasar dan kebertanggungjawaban bersama. Sesi ini telah dikendalikan oleh Encik M. Shahadat bin Ali Nordin, Penolong Pendaftar, Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Universiti Utara Malaysia sebagai Moderator.

KERTAS KERJA 1: Trend Kependudukan dan Demografi Negeri Kedah

Oleh Puan Nadia Marzuki, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah

Beliau memulakan sesi pembentangan bertemakan trend kependudukan dan demografi negeri Kedah. Beliau berkongsi statistik jumlah penduduk Negeri Kedah yang merupakan negeri keenam tertinggi di Malaysia (2.2 juta). Menjelang tahun 2060, Malaysia termasuk Negeri Kedah akan mengalami fenomena *depopulation* yang akan menjadi cabaran baharu di mana *Total Fertility Rate* (TFR) akan menurun sehingga 1.4 pada tahun 2060 manakala jangka hayat semakin meningkat di kalangan penduduk (lelaki: 77.2 tahun, perempuan: 81.5 tahun).

Puan Nadia berkongsi tentang transisi piramid penduduk yang berubah bentuk dari progresif ke regresif di mana tapak piramid semakin mengecil dan dijangka akan kekal sehingga tahun 2060. Situasi ini didorong oleh kadar kelahiran hidup dan kesuburan jumlah yang semakin menurun manakala puncak piramid yang rata dan lebar pula menunjukkan populasi penduduk tua semakin meningkat. Beliau menambah, Dasar Warga Emas Negara telah menetapkan sesebuah negara menjadi Negara Menua apabila 15 peratus daripada jumlah penduduk adalah penduduk berumur 60 tahun dan lebih. Malaysia diunjurkan mencapai tahap ini menjelang tahun 2036.

Umur purata perkahwinan lelaki Negeri Kedah bagi tahun 2016 - 2023 menunjukkan peningkatan daripada 29.6 tahun (2016) kepada 30.3 tahun (2023). Manakala umur purata pengantin perempuan juga didapati meningkat daripada 26.9 tahun (2016) kepada 28.2 tahun (2023). Menurut beliau, peningkatan usia pengantin perempuan akan memendekkan tempoh reproduktif dan menyebabkan kadar kesuburan juga menurun.

Puan Nadia turut berkongsi statistik berkenaan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) mengikut jantina di Negeri Kedah (1982 - 2024) di mana peningkatan bilangan tenaga buruh yang konsisten ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi dan populasi aktif bekerja di Malaysia dan Negeri Kedah. KPTB lelaki kekal tinggi dan stabil manakala KPTB perempuan menunjukkan peningkatan beransur-ansur, menandakan kejayaan sebahagian dasar pemerksaan perempuan dalam pasaran kerja yang turut berlaku di Negeri Kedah, walaupun kadar penyertaannya lebih rendah daripada purata nasional.

Pengakhiran pembentangan beliau membawakan beberapa cabaran kependudukan yang perlu diberikan perhatian serius semua pihak antaranya:

- (i) fenomena *depopulation* memberi tekanan kepada guna tenaga dan taburan penduduk;
- (ii) pembangunan terhadap penduduk warga tua untuk mengekalkan keupayaan berfungsi bagi kesejahteraan umum;
- (iii) perancangan dan dasar lebih komprehensif terhadap komponen kesuburan bagi mengekalkan pertumbuhan penduduk yang lebih stabil dalam jangka panjang;
- (iv) perancangan fizikal, perbandaran dan *spatial* yang lebih seimbang seiring dengan unjuran penduduk dan demografi;
- (v) keterangkuman dalam perancangan polisi dan dasar kependudukan bagi memastikan tiada kumpulan yang terpinggir.

KERTAS KERJA 2: Dari Data Ke Tindakan: Langkah Strategik LPPKN Dalam Menangani Penurunan Kesuburan

Oleh Encik Ahmad Rasyidee Abdul Razak, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, Ibu Pejabat LPPKN

Encik Ahmad Rasyidee memulakan pembentangan dengan membawa senario demografi semasa dengan menyentuh perubahan kadar TFR dan kelahiran di Malaysia di mana kedua-dua perkara tersebut ada dinyatakan sebagai salah satu daripada 7 cabaran utama kependudukan dalam penemuan Kajian Semula Dasar Kependudukan yang dijalankan oleh LPPKN.

Beliau menjelaskan beberapa faktor penurunan kadar kesuburan di Malaysia antaranya disebabkan oleh ekonomi di mana berlakunya peningkatan kos sara hidup, kos perkahwinan dan penjagaan & pendidikan anak-anak serta penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Purata perbelanjaan perkahwinan yang mampu disediakan adalah sebanyak RM14,011.43 sahaja sedangkan kos sebenar melebihi dari kemampuan. Manakala kadar penyertaan buruh wanita di Malaysia ketika ini telah mencecah 56.3%.

Manakala isu dan masalah subfertility serta kemudahan & akses kepada amalan perancang keluarga menjadi faktor utama penurunan kadar kesuburan dari aspek kesihatan. Sebanyak 37.0% daripada wanita di Malaysia menghadapi masalah untuk hamil meskipun telah aktif mencuba untuk hamil bagi sekurang-kurangnya 1 tahun. Manakala ujian keputusan analisis sperma yang dijalankan di makmal LPPKN menunjukkan 60% sampel adalah abnormal.

Beliau menambah dari aspek sosio-budaya pula, trend berkahwin lewat, kesukaran mencari pasangan hidup bersesuaian, tiada keinginan memiliki anak yang ramai serta perubahan gaya hidup dilihat antara punca penurunan kadar kesuburan di Malaysia. Beliau memaklumkan sebanyak 6.9% wanita yang masih berkahwin tinggal berjauhan dengan suami mereka atas faktor pekerjaan.

Encik Ahmad Rasyidee seterusnya berkongsi pelbagai inisiatif diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat dan agensi termasuk

LPPKN dalam mendepani isu kejatuhan kadar kesuburan. Selain kempen advokasi dan promosi yang memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya kepada pasangan yang mengalami masalah kesuburan, LPPKN telah memperkenalkan klinik kesejahteraan lelaki dengan menawarkan ujian saringan kesihatan lelaki, khidmat nasihat masalah seksual dan amalan gaya hidup sihat serta rawatan ubat tertentu bagi membantu meningkatkan kesuburan lelaki.

LPPKN menurut beliau lagi telah mewujudkan perkhidmatan subfertiiliti di beberapa premisnya di Ibu Pejabat LPPKN Jalan Raja Laut, Pusat Keluarga LPPKN Bertam, Pulau Pinang, Pusat Keluarga LPPKN Nusa Bestari, Johor dan Pusat Keluarga LPPKN Kuching, Sarawak. Kesemua pusat ini menjadi *entry point* perluasan perkhidmatan LPPKN sediaada bagi mendepani isu penurunan kadar kesuburan di Malaysia. Pusat Subfertiiliti Negara pertama di Shah Alam, Selangor dijangka akan siap pada tahun 2029.

KERTAS KERJA 3: Isu Kesuburan: Cabaran Global, Tanggungjawab Bersama oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Zahayu binti Md. Yusof, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Universiti Utara Malaysia, Kedah

Dr. Zahayu menumpukan topik pembentangan kepada tiga perkara utama iaitu memahami trend kesuburan secara global, mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi kesuburan serta cadangan intervensi.

Dr. Zahayu menjelaskan Malaysia dijangka mencapai status masyarakat menua menjelang tahun 2035, selari dengan trend penurunan TFR negara yang kini berada di bawah paras penggantian 2.1 anak bagi setiap wanita. Negeri Kedah turut mencerminkan pola yang sama apabila mencatatkan TFR sekitar 1.8 hingga 1.8 berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (2022). Penurunan ini memberi implikasi besar terhadap masa depan tenaga kerja, sistem sokongan sosial dan kestabilan ekonomi terutamanya dalam menghadapi cabaran penuaan populasi dan pengurangan kadar pertumbuhan penduduk jangka panjang.

Beliau selanjutnya menjelaskan isu berkaitan TFR ini merupakan trend global di mana berlaku penurunan yang ketara daripada 4.5 (1970) kepada sekitar 2.3 (2025).

Negara Korea Selatan dan Singapura merupakan antara dua buah negara yang mencatatkan kadar TFR terendah iaitu 1.0. Manakala negara Sweden, Amerika & Perancis mencatatkan TFR yang agak stabil (1.8 - 1.9).

Dr Zahayu menjelaskan faktor urbanisasi dan kos hidup yang tinggi, kos perumahan, pendidikan dan penjagaan anak yang terus meningkat telah mewujudkan kecenderungan untuk mengurangkan bilangan anak. Isu ini berlaku di negara Korea Selatan dan Singapura di mana ianya telah memberi kesan kepada keluarga pasangan muda. Manakala penyertaan wanita dalam tenaga kerja menyebabkan wanita berpendidikan tinggi mengejar dan membina kerjaya seterusnya melewati perkahwinan dan penangguhan kelahiran. Perkahwinan lewat boleh menjejaskan tahun kesuburan wanita dan Malaysia sedang mengalami isu ini.

Beliau meneruskan sesi pembentangan dengan menjelaskan aksesibiliti kepada kontraseptif dan pendidikan kesihatan yang lebih mudah juga telah mengurangkan kelahiran tidak dirancang (*unmet need*) serta mewujudkan situasi kawalan kehamilan yang lebih efektif. Faktor ketidakstabilan ekonomi dan ketidakpastian masa hadapan seperti krisis ekonomi telah mengurangkan keyakinan pasangan untuk membina keluarga atau menambah bilangan anak bagi pasangan yang telah mempunyai anak.

Dr. Zahayu menjelaskan kebanyakan negara memperkenalkan pelbagai insentif bagi meningkatkan TFR negara masing-masing. Kejayaan insentif ini diukur melalui keberkesanan kesan jangka sederhana dan panjang terhadap kadar kelahiran. Negara Sweden sering dijadikan penanda aras kerana kejayaan menyeluruh dalam menyokong keluarga tanpa perlu mengorbankan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Negara Asia Timur (Korea Selatan, Jepun & Singapura) menunjukkan bahawa insentif kewangan semata-mata tidak mencukupi jika norma sosial dan kos sara hidup tidak diatasi secara serentak.

Beliau meneruskan pembentangan dengan mengkhusus kepada penurunan kadar TFR di Negeri Kedah di mana telah berlaku perubahan mengikut kumpulan umur. Data DOSM 2023 menunjukkan berlaku penurunan daripada 318 kepada 38.94 kelahiran per 1,000 wanita bagi kumpulan umur 20 - 24 tahun, iaitu penurunan sebanyak 88%.

Manakala bagi kumpulan umur 25 - 29 tahun, telah berlaku penurunan sebanyak 67% iaitu daripada 318 kepada 105.94 kelahiran per 1,000 wanita. Berlaku juga peralihan umur paling subur di Negeri Kedah daripada 20 - 24 tahun kepada 25 - 34 tahun yang berpunca daripada peningkatan tahap pendidikan & kerjaya wanita serta peralihan norma perkahwinan yang semakin lewat. Selain itu, faktor pendidikan kesihatan reproduktif dan amalan perancang keluarga serta peningkatan usia perkahwinan turut dilihat sebagai faktor signifikan peralihan umur paling subur ini.

Dr. Zahayu mencadangkan beberapa intervensi bagi meningkatkan kadar TFR di Negeri Kedah antaranya merangka Dasar Kesuburan Negeri Kedah berasaskan pembuktian data serta mereformasikan dasar sedia ada supaya lebih menyeluruh dengan perluasan kolaboratif peringkat negeri. Beliau turut mencadangkan pemberian insentif kelahiran kepada keluarga B40 Muda, penyediaan pusat penjagaan kanak-kanak / taska di tempat kerja, pelaksanaan waktu kerja fleksibel terutama kepada ibu bapa keluarga muda dan perluasan program kesedaran melalui komuniti masjid, NGO dan sebagainya.

5.0 FORUM KEPENDUDUKAN “PENURUNAN KADAR KESUBURAN: KESAN DAN IMPAK SERTA PERSEDIAAN KITA”

Seminar diteruskan dengan **SESI FORUM** dengan kehadiran dua (2) ahli panel jemputan. Sesi forum ini dijalankan sebanyak dua (2) pusingan dan setiap panel diberikan 10 minit untuk menjawab soalan yang diajukan oleh Moderator.

Moderator:

YBrs. Prof Madya Dr. Nor Aishah binti Ahad

Pensyarah Kanan

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, UUM

Ahli Panel:

1. YBrs. Prof. Dr. Noor Azniza binti Ishak

Pensyarah Kanan

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial & Polisi, Universiti Utara Malaysia

2. YBrs. Dr. Siti Rohana binti Ahmad

Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kesihatan Keluarga)

Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Sesi dimulakan dengan pertanyaan daripada YBrs. Prof Madya Dr. Nor Aishah binti Ahad kepada YBrs. Prof. Dr. Noor Azniza binti Ishak diikuti YBrs. Dr. Siti Rohana binti Ahmad.

PUSINGAN PERTAMA:

Soalan 1: Sebagai seorang kaunselor profesional berdaftar ahli akademik, apa pandangan Prof mengenai isu kejatuhan kadar kesuburan yang rata-rata mengatakan wanita bekerjaya sukar mendapat jodoh, mengimbangi masa keluarga dan kerjaya dan tidak mengharapkan untuk menerima zuriat?

YBrs. Prof. Dr. Noor Azniza binti Ishak:

Pandangan mengenai jodoh dan perkahwinan berbeza antara zaman dahulu dan sekarang termasuk penerimaan masyarakat dengan perkahwinan campur berbilang

bangsa. Perubahan penggunaan media sosial pada masa kini menyebabkan pelbagai isu berkaitan rumah tangga dan kehidupan berkeluarga dikongsi dan ini sedikit sebanyak memberikan persepsi negatif mengenai institusi perkahwinan. Berbanding zaman dahulu, kebanyakan keluarga memfokuskan kepada urusan keluarga tanpa gangguan.

Penyertaan wanita dalam tenaga buruh dan peningkatan dalam kerjaya juga dilihat menjadi punca wanita sukar mendapat jodoh. Ini dibuktikan melalui peratusan bilangan pelajar wanita di pusat pengajian tinggi berbanding pelajar lelaki. Apabila melibatkan keputusan untuk memulakan keluarga dan memiliki anak terutama bagi wanita bekerjaya, ianya akan menjadi sukar bagi wanita bekerjaya yang ingin mencapai impian dan menangguhkan kehamilan. Kelewatan dan penangguhan ini akan menjejaskan peratusan kehamilan dan menurunkan kesuburan.

Cara pemikiran dan penerimaan pasangan pada hari ini juga perlu diambil kira dalam isu kesukaran bertemu jodoh. Ini kerana wanita bekerjaya yang stabil dari segi jumlah pendapatan dan bebas tanpa terikat dengan mana-mana pihak cenderung untuk mengekalkan status quo sedia ada tanpa perlu menanggung beban baharu apabila bersuami atau mempunyai anak. Jika zaman dahulu pemikiran masyarakat mengenai perkahwinan dituntut oleh agama dan seolah-olah satu kewajipan; sesuatu yang amat berbeza pada pandangan pasangan pada waktu kini.

Soalan 2: Apakah faktor yang mengganggu kesuburan lelaki dan wanita dari aspek kesihatan.

YBrs. Dr. Siti Rohana binti Ahmad:

Pengukuran kesuburan selalunya dibuat dengan melihat kepada bilangan anak yang dilahirkan oleh setiap pasangan. Dalam konteks kesuburan individu pula, ianya merujuk kepada kebolehan lelaki dan wanita itu untuk mempunyai anak lahir hidup. Manakala dalam konteks kesuburan populasi pula, ia merujuk kepada kesuburan dalam populasi yang lahir hidup.

Berdasarkan dapatan data Kementerian Kesihatan Malaysia, kelahiran di Negeri Kedah mencatatkan angka 35,000 kelahiran setahun. Namun trend kelahiran ini dilihat semakin menurun bilangannya untuk tempoh lima tahun kebelakangan

sehingga angka tersebut telah menurun kepada 30,000 kelahiran sahaja.

Sebagai makluman untuk semua, peningkatan umur boleh menyebabkan tahap kesuburan semakin menurun di mana penurunan hormon dalam kalangan wanita akan menyebabkan kualiti dan bilangan telur dikeluarkan tidak berkualiti atau tidak dikeluarkan. Manakala bagi lelaki pula, telah banyak dapatan ujian makmal yang menunjukkan sperma tidak berkualiti dan abnormal dan ini memberikan kesan signifikan dalam isu kesuburan. Maka adalah penting untuk setiap pasangan menjalani pemeriksaan hormon, rahim dan telur dengan pakar selepas setahun berkahwin dan masih belum mengandung. Kesedaran inilah yang perlu diperkasa dan diperluaskan supaya pasangan tidak menganggap ianya adalah perkara biasa yang tidak mendatangkan masalah.

PUSINGAN KEDUA:

Soalan 1: Adakah benar kadar kesuburan rendah boleh membawa kepada dividen demografi atau peluang ekonomi? Adakah ini benar-benar belaku atau liabiliti jangka panjang?

YBrs. Prof. Dr. Noor Azniza binti Ishak:

Dividen demografi ini biasanya dirujuk kepada jumlah bilangan kelahiran anak dalam setiap pasangan. Berdasarkan trend, pemikiran dan psikologi anak-anak pada ketika ini, kebanyakan mereka memilih untuk lebih berdikari termasuk di dalam perkara berkaitan pasaran buruh.

Stigma masyarakat sejak zaman dahulu lagi telah meletakkan tanggungjawab dan peranan utama seorang suami atau bapa adalah menyediakan semua keperluan keluarga termasuk dari aspek fizikal dan kewangan. Tanggungjawab ini akan semakin meningkat dan meluas apabila isteri mengandung di mana suami akan memberikan sokongan sosial dari aspek emosi dan fizikal. Sokongan sosial ini sedikit sebanyak akan dapat membantu dalam meningkatkan tahap kesuburan.

Sistem sokongan sosial ini bukan sahaja boleh diberikan oleh suami atau pasangan sahaja, tetapi juga dari kelompok mereka yang berdekatan seperti ahli keluarga, rakan dan sahabat. Sokongan di sini bukan semata-mata merujuk kepada perihal

kewangan semata-mata tetapi boleh diberikan dalam bentuk psikologi, bantuan penjagaan anak, perkongsian melakukan kerja rumah dan lain-lain.

Soalan 2: Dari sudut kesihatan awam dan perancangan awal sumber manusia, apakah kesan jangka panjang kepada penurunan kadar kesuburan terhadap penyampaian kesihatan dan bebanan?

YBrs. Dr. Siti Rohana binti Ahmad:

Struktur piramid penduduk di Malaysia amnya dan Negeri Kedah khususnya jelas menunjukkan telah berlaku perubahan menjadi sebuah tempayan di mana jumlah penduduk warga emas meningkat dengan ketara manakala bilangan penduduk muda semakin mengecil kesan daripada penurunan kadar TFR dan bilangan kelahiran. Peningkatan bilangan penduduk warga emas ini akan menjadi bebanan kepada negara sekiranya peningkatan jumlah pendapatan negara tidak selari. Untuk makluman semua, Malaysia akan menjadi negara menua menjelang tahun 2030 di mana jumlah penduduk berusia 60 tahun dan ke atas melebihi 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk.

Satu isu yang perlu diambil berat oleh semua pihak adalah peningkatan kes penyakit tidak berjangkit yang sedang dialami oleh kebanyakan penduduk melibatkan penyakit 4 serangkai iaitu diabetes, kolestrol, darah tinggi dan obesiti. Dapatan ini adalah berdasarkan kepada laporan *National Health Mobility Survey* tahun 2024 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kajian yang dijalankan pada setiap 4 tahun sekali oleh KKM mendapati bilangan penduduk obesiti semakin meningkat. Kajian menunjukkan 50% penduduk Malaysia mengalami *abdominal obesity* kerana kurang menjalankan aktiviti fizikal dan kecergasan.

Pihak kerajaan akan terbeban dalam menyediakan dan meningkatkan bilangan pusat rawatan dan penjagaan harian melibatkan pesakit 4 serangkai ini terutama bagi warga emas terlantar tanpa sokongan dan penglibatan ahli keluarga. Bagi kes di negara Sweden contohnya, telah banyak pusat penjagaan harian telah diwujudkan oleh kerajaan tersebut memandangkan mereka telah bersedia dengan isu negara menua dan kemungkinan ibu bapa warga emas tidak akan dijaga oleh anak-anak. Hal ini agak berbeza dengan Malaysia memandangkan norma, adab dan pegangan

agama rakyat Malaysia masih lagi meletakkan tanggungjawab menjaga kedua ibu bapa kepada anak-anak.

Tahap umur wanita paling subur adalah pada usia kurang daripada 25 tahun. Manakala umur purata wanita yang berkahwin pula adalah pada usia 28 tahun dan ini membawa kepada peluang wanita untuk hamil semakin berkurangan dan mengecil. Aspek penjagaan kesihatan termasuk amalan tidur mencukupi, penjagaan pemakanan sihat dan amalan cara hidup yang sihat perlu dititikberatkan oleh semua penduduk. Peningkatan berat badan dan tempoh waktu tidur yang tidak mencukupi dan tidak berkualiti boleh mempengaruhi hormon seterusnya membawa kepada isu penurunan kesuburan. Kebanyakan bilangan kelahiran mati bayi yang direkodkan oleh fasiliti KKM mendapati ibu yang menghadapi masalah obesiti, kencing manis dan darah tinggi paling berpotensi tinggi akan kehilangan bayi semasa kelahiran. Ibu juga berisiko tinggi untuk meninggal dunia sekiranya tiada penjarakan kehamilan.

RUMUSAN MODERATOR

Kadar kesuburan di Malaysia menurun sejak 2013, dengan purata nasional 1.6 di mana Negeri Kedah turut mengalami penurunan kadar kesuburan. Umur perkahwinan semakin lewat disebabkan kesukaran mencari jodoh dan kesukaran mengimbangi masa bekerja dan keluarga. Kos penjagaan yang tinggi menjadi halangan untuk mempunyai lebih ramai anak. Penurunan kadar kesuburan akan memberi kesan kepada struktur komposisi penduduk dan sosioekonomi, termasuk piramid umur dan penduduk pekerja.

SESI SOAL JAWAB

Soalan 1:

Kedah merupakan rural area dan tidak sepatutnya dijadikan kepada masalah isu kesuburan. Perlu wujudkan task force kenapa Kedah tidak boleh capai atas dari tahap penggantian 2.1. Kita ketepikan isu childfree tapi fokus kepada isu kesihatan kerana ramai pasangan yang memerlukan anak. Kita perlu support pada mereka yang nakkan anak ini.

Perkara ini melibatkan kepada dasar dan penglibatan pihak berkenaan di peringkat kerajaan Negeri dan soalan akan disalurkan kepada pihak berwajib bagi tindakan selanjutnya.

Nama : Dr. Annuar

Agensi : Persatuan Kesihatan Keluarga Kedah

6.0 PEMBENTANGAN POSTER PENYELIDIKAN

Sebanyak 14 poster penyelidikan berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan Kesihatan Reproduksi telah dibentangkan dalam SKNK 2025 oleh penyelidik daripada Universiti Utara Malaysia. Poster penyelidikan tersebut adalah seperti berikut:

- 1. PERMBERDAYAAN KOMUNITI MELALUI PERTANIAN VERTIKAL**
Noranida binti Mokthsim
- 2. DASHBOARD ON ENROLMENT IN GOVERNMENT SCHOOLS BY STATE**
Nirosh A/L Balakrishnan
- 3. A CRY FOR HELP: UNDERSTANDING AND PREVENTING FINANCIAL ABUSE OF SENIOR CITIZENSHIP IN KEDAH AND PERLIS**
Norhafiza Nordin, Rabihah Md. Sum, Nazliatul Aniza Abdul Aziz
- 4. BRIDGING EDUCATIONAL GAP: PRIMARY SCHOOL COMPLETION BY STATE AND GENDER IN MALAYSIA 2022**
Kirubasiniey A/P Manimuthu
- 5. AGING POPULATION IN PERLIS**
Siti Nadhirah binti Kamran
- 6. FAMILY FORMATIONS TRENDS IN MALAYSIA: A STATELEVEL ANALYSIS FOR COMMUNITY DEVELOPMENT (2017 - 2022)**
Nuur Azrin Mohamad
- 7. MALAYSIA'S SDG 16 SNAPSHOT: HOMICIDE & TRAFFICKING TRENDS**
Ain Asyiqeen binti Mohd Fuad
- 8. EMPOWERED SMEs: A THRIVING PERLIS ECONOMY**
Vally Sensasi

9. **KEBOLEHPASARAN GRADUAN SEBAGAI PEMACU DIVIDEN DEMOGRAFI MALAYSIA: ANALISIS KESIAPSIAGAAN TENAGA KERJA MUDA**
Norlaila Abdullah Chik, Sakinan Muslim
10. **MODELLING POPULATION GROWTH IN KEDAH**
Nur Tasnem Jaaffar, Nur Hazwani Aqilah Abdul Wahid, Labiyana Hanif Ali
11. **PEMBANGUNAN MAMPAN MELALUI INOVASI PERTANIAN: KESAN PENGGUNAAN PRESSMUD DAN MOLASSES TERHADAP PENDAPATAN PETANI**
Maheera Mohamad
12. **EKONOMI NEGARA MENUA: BEBAN ATAU PELUANG**
Izwan Nizal Mohd Shahraneer, Jastini Mohd Jamil
13. **STATISTIK KEGANASAN RUMAHTANGGA DI MALAYSIA (2021 - 2023)**
Mariny Abdul Ghani, Azizul Mohamad
14. **AGING POPULATION IN KEDAH: CALLING FOR DEDICATED CAREGIVERS**
Rohana Abdul Rahman, Nur Akmal Sharizal

7.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI KEDAH

Cadangan kepada Kerajaan Negeri Kedah untuk menangani penurunan kadar kesuburan berdasarkan perbincangan dan pembentangan semasa Seminar Kependudukan Negeri Kedah 2025 (SKNK 2025) adalah seperti berikut:

1. PEMBANGUNAN DASAR KELUARGA HOLISTIK

(a) Dasar Cuti Paterniti dan Ibu Bapa

Memperkenalkan dan memperluaskan cuti paterniti dan cuti ibu bapa yang lebih fleksibel. Ini akan menggalakkan perkongsian tanggungjawab dalam penjagaan anak antara ibu dan bapa, sekaligus mengurangkan beban yang ditanggung oleh wanita sahaja. Langkah ini penting untuk memastikan kedua-dua ibu bapa dapat terlibat secara aktif dalam perkembangan anak-anak mereka tanpa perlu

mengorbankan kerjaya masing-masing.

(b) Polisi Waktu Kerja Fleksibel

Menggalakkan dan mengimplementasikan polisi kerja fleksibel yang membolehkan ibu bapa bekerja dari rumah atau mempunyai waktu kerja yang fleksibel. Inisiatif seperti program “Mama Bekerja” yang menyediakan insentif kewangan kepada ibu bekerja, perlu diperluaskan dan diperkukuhkan untuk menyokong lebih banyak keluarga di Negeri Kedah.

(c) Insentif Kewangan dan Bantuan Tunai

Memperkenalkan skim bantuan kewangan seperti bantuan kewangan bulanan kepada keluarga berpendapatan rendah. Kerajaan negeri perlu mengkaji semula dan meningkatkan jumlah penerima manfaat inisiatif ini terutamanya di kawasan bandar yang mempunyai penduduk padat dan memerlukan bantuan.

2. PENGLIBATAN DAN SOKONGAN KOMUNITI

(a) Kempen Kesedaran Keluarga

Menjalankan kempen kesedaran secara menyeluruh mengenai kepentingan keluarga dan manfaat mempunyai anak. Naratif positif mengenai keibubapaan penjagaan anak, kaunseling, dan sokongan emosi kepada ibu bapa. Komuniti yang kuat dan sokongan yang kukuh dapat membantu pasangan muda menghadapi cabaran membesarkan anak-anak.

(b) Kemudahan Penjagaan Kanak-Kanak

Meningkatkan kemudahan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan boleh diakses di tempat kerja dan komuniti. Kerajaan negeri perlu memastikan pusat penjagaan kanak-kanak yang selamat dan berkualiti tinggi tersedia untuk semua ibu bapa bekerja, mengurangkan kebimbangan tentang keselamatan dan penjagaan anak-anak mereka.

3. PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PEKERJAAN

(a) Penggunaan Teknologi dan Automasi




Menggalakkan pelaburan dalam teknologi dan automasi untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual. Langkah ini penting untuk memastikan produktiviti yang tinggi walaupun dengan kekurangan tenaga kerja akibat penurunan kadar kesuburan.

(b) Peluang Pekerjaan Fleksibel dan Separuh Masa


Menyediakan peluang pekerjaan separuh masa dan fleksibel untuk golongan veteran dan warga emas. Konsep pekerjaan separuh masa yang berjaya di Jepun dan Korea boleh dijadikan contoh untuk dilaksanakan di Negeri Kedah. Ini akan membolehkan lebih ramai individu menyumbang kepada ekonomi walaupun bekerja secara separuh masa.

8.0 MAKLUM BALAS PESERTA

MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI KEDAH



MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI KEDAH



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI KEDAH SEMPERA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025



